

No'man dilantik Pendaftar UMS ke-3

UB 18.11.2015 B5

KOTAKINABALU:No'man Haji Ahmad diumumkan sebagai Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baharu berkuatkuasa 11 November 2015.

Majlis penyampaian sijil pelantikan disampaikan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (LPU) Tun Zaki Tun Azmi selepas mempengerusikan mesyuarat LPU di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif hari ini (17 November 2015).

Majlis penyampaian itu turut disaksikan Naib Canselor Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, ahli LPU dan pegawai utama UMS.

Pelantikan berkenaan sekali gus menjadikan No'man yang memangku jawatan itu sejak Januari lalu mencoret sejarah baharu buat UMS sebagai



NO'MAN (enam dari kanan) menerima sijil pelantikan pendaftar daripada Zaki (empat dari kiri) sambil diperhatikan Harun (lima dari kanan), ahli LPU dan pegawai utama UMS.

pendaftar yang ketiga.

Berpengalaman luas dan pernah memegang pelbagai jawatan ketua di beberapa

jabatan di UMS, beliau yang berperwatakan ceria dan sering menyumbang idea bernas kepada pengurusan universiti

dilihat calon yang tepat setelah mantan pendaftar, Datuk Abdullah Haji Mohd Said bersara wajib pada tahun ini.

No'man dilantik sebagai pendaftar universiti selama tiga tahun sehingga 10 November 2018.